

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XV)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

16. Apakah keputusan tentang kadar cukai taksiran MBPP dan MBSP selepas pendengaran bantahan?
  - (a) Jumlah bantahan dan jumlah kehadiran ke mesyuarat mendengar bantahan?
  - (b) Apakah impak kepada MBPP dan MBSP dengan pengurangan kadar yang bakal diberikan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. Kedua-dua PBT telah menjalankan sesi Pendengaran Bantahan seperimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 142 Akta Kerajaan Tempatan 1976 mulai 29 Oktober 2019 di empat (4) lokasi yang terletak di Daerah Seberang Perai manakala tiga (3) lokasi di bahagian Pulau. Jawatankuasa Bantahan Senarai Nilaian Baharu akan menyiasat segala bantahan tersebut dan pemilik pegangan yang membuat bantahan akan diberi peluang untuk didengar dalam penyiasatan itu sama ada mereka sendiri atau melalui ejen yang diberi kuasa. Justeru itu, sebarang keputusan bantahan yang dibentangkan di Mesyuarat Bantahan Nilaian Baharu akan dimaklumkan kepada setiap pembantah melalui surat rasmi.

Setakat ini, belum ada sebarang keputusan yang telah dibuat mengenai bantahan yang telah dikemukakan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sehubungan itu sebelum sebarang keputusan dibuat, Kerajaan Negeri akan memastikan kesan wabak COVID-19 ini dijadikan salah satu faktor utama

yang perlu dipertimbangkan bagi memastikan taraf kehidupan rakyat negeri ini tidak terjejas.

- (a) Sesi bantahan kenaikan cukai taksiran oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersama penduduk yang terlibat telah berakhir pada 10 Mac 2020. Jumlah keseluruhan bantahan yang diterima oleh MBPP daripada pemunya bantahan berjumlah 54,459 pembantah dan jumlah yang hadir ke sesi bantahan cukai taksiran berjumlah 12,654 pembantah. Bagi kawasan MBSP pula sebanyak 40,666 pemunya pegangan telah membuat bantahan dan 12,502 telah hadir ke mesyuarat mendengar bantahan yang telah diadakan.
- (b) Sekiranya berlaku pengurangan kadar ke atas pegangan, kualiti perkhidmatan di kedua-dua kawasan PBT tidak dapat ditingkatkan akibatkekangan kewangan dan secara tidak langsung boleh menjelaskan perkhidmatan kepada penduduk negeri Pulau Pinang. Selain daripada kualiti perkhidmatan PBT daripada segi pembersihan, penyediaan infrastruktur yang baik serta pengurusan tempat-tempat awam juga sukar untuk dilaksanakan kerana memerlukan komitmen guna tenaga dan kewangan yang tinggi. Projek-projek berimpak tinggi yang telah dirancang oleh PBT untuk kepentingan rakyat seperti projek *smart city*, projek rendah karbon serta projek kawalan banjir juga akan terbantut dan seterusnya akan merencatkan usaha PBT untuk menyediakan sebuah persekitaran yang mampan kepada rakyat Pulau Pinang. Justeru, pertambahan hasil melalui kenaikan cukai taksiran adalah rasional bagi memastikan penyediaan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak rakyat dapat dicapai.